

## **CABARAN SUKARELAWAN DAKWAH MASYARAKAT DALAM PELAKSANAAN DAKWAH**

### **THE CHALLENGE OF COMMUNITY DAKWAH VOLUNTEERS IN THE IMPLEMENTATION OF DAKWAH**

Mariam Abd. Majid<sup>1\*</sup>, Masitah Esa<sup>2</sup>, Nazirul Zainudin<sup>3</sup>, Aisyah Humairak Abdul Rahman<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, mariam@kuis.edu.my.

<sup>2</sup>Pegawai Pakar Bidang Khusus, Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, masitah.esa@yadim.com.my.

<sup>3</sup>Pelajar, Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Sumber Insan, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 18bi05035@student.kuis.edu.my.

<sup>4</sup>Pelajar, Sarjana Dakwah dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 21mt09001@student.kuis.edu.my.

\* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 2 Jun 2023

Selepas Pembetulan: 3 Okt 2023

Diterima untuk terbit: 10 Nov 2023

#### **Abstrak**

Sukarelawan dakwah merupakan barisan tulang belakang penting dalam pelaksanaan usaha dakwah. Dunia global serta masyarakat yang semakin kompleks menjadikan medan dakwah berhadapan dengan pelbagai kekangan. Situasi ini menuntut usaha bagi memperkasakan golongan sukarelawan dakwah untuk berperanan sebagai kumpulan sokongan yang membantu usaha dakwah. Namun, wujud beberapa cabaran yang mengekang pelaksanaan usaha dakwah dalam kalangan sukarelawan. Artikel ini bertujuan mengenalpasti cabaran-cabaran yang mengekang pelaksanaan usaha dakwah dalam kalangan sukarelawan. Kajian ini berbentuk kualitatif. Data kajian diperolehi melalui temubual mendalam dengan menggunakan kaedah temubual separa struktur bersama enam orang informen mewakili organisasi dakwah NGO, luar negara, komuniti, mualaf, wanita dan belia. Kesemua informen kajian dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Data kajian dianalisis secara tematik. Dapatan kajian mendapati bahawa antara cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan dakwah golongan sukarelawan ialah kekurangan program pembangunan sukarelawan, kurang kesedaran, minat dan sokongan, keperluan dana dan tenaga sukarelawan, tadbir urus (*governance*), kurang pengetahuan berkaitan ideologi dan budaya masyarakat setempat. Adalah diharapkan dapatan ini dapat memperkasakan golongan sukarelawan dakwah, organisasi dakwah, serta pihak-pihak yang terlibat dan berkepentingan dalam usaha pelaksanaan dakwah.

#### **Kata kunci**

Sukarelawan, dakwah, masyarakat, pelaksanaan, cabaran

#### **Abstract**

*Da'wah volunteers play a crucial supporting role in the implementation of da'wah efforts. Due to the globalised environment and the increasingly complex society, the preaching field is subject to various constraints. In light of this circumstance, this situation calls for efforts to empower the volunteer group of dakwah to play a supportive role in assisting dakwah efforts. However, there are some challenges that make it difficult for volunteers to implement da'wah efforts. Hence, this article aimed to identify the challenges that constrained the implementation of da'wah efforts among volunteers. This study was qualitative in nature. The research data were obtained through in-depth semi-structured interviews with six informants representing NGOs, foreigners, community, proselytising da'wah organisations, women and youth. All research informants were selected through purposive sampling. The research data were analysed thematically. The findings of the study found that among the challenges faced in the implementation of da'wah by volunteers were the lack of volunteer development programs, lack of awareness, interest and support, the need for funds and volunteer workforce, governance, as well as lack of knowledge related to the ideology and culture of the local community. It is hoped that these findings can empower da'wah volunteers, organisations, and parties to be involved and interested in da'wah implementation efforts.*

**Keywords**

*Volunteer, Da'wah, Society, Implementation, Challenges*

**1.0 Pendahuluan**

Sukarelawan adalah individu yang melakukan sebarang aktiviti atau program dengan kesediaan sendiri, tanpa paksaan dengan niat untuk membantu orang lain tanpa meminta ganjaran di atas khidmat atau usaha yang dilaksanakan (Wilson, 2003). Aktiviti sukarelawan memerlukan komitmen dalam berbagai aspek iaitu masa, tenaga, kewangan, kepakaran, idea, dan lain-lain dengan tidak meminta ganjaran bagi sumbangan yang diberikan (Normah & Ain Zahirah, 2021). Kerja-kerja kemasyarakatan merupakan antara aktiviti penting dalam sesebuah komuniti yang dilaksanakan oleh para sukarelawan sama ada secara berkumpulan atau individu bagi membantu masyarakat dalam kegiatan altruistik. Aktiviti sukarelawan ini dilihat semakin berkembang dan mendapat tempat dalam kalangan penduduk di Malaysia (Siti Raba'ah et al., 2015). Islam sangat menganjurkan usaha sukarelawan yang memberi khidmat bakti kepada orang lain dengan hati yang ikhlas. Dalam Islam, sukarelawan tidak terbatas dalam aktiviti kemasyarakatan sahaja namun diperluas dalam konteks dakwah yang mempunyai hubungan dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi.

Anjakan paradigma bidang sukarelawan dakwah masa kini mengalami gelombang perubahan semasa apabila ianya menjadi satu bidang pekerjaan profesional yang mendapat pengiktirafan daripada masyarakat atau kerajaan. Kelangsungan hidup masyarakat yang harmoni turut disumbangkan hasil aktiviti sukarelawan di kawasan masyarakat setempat (Sarimah et al., 2015). Kegiatan ini perlu dipergiatkan bagi melahirkan lebih ramai sukarelawan profesional yang bergerak seiring dengan keperluan masyarakat dan negara. Namun, pelaksanaan aktiviti sukarelawan berhadapan dengan pelbagai cabaran antaranya kekurangan dana, kelemahan pengurusan, kecukupan sumber tenaga dan lain-lain yang mengekang kelancaran aktiviti sukarelawan.

Sejajar dengan norma baharu masa kini, usaha menyuburkan aktiviti sukarelawan dakwah sewajarnya mendapat perhatian semua pihak. Artikel ini secara khusus bertujuan mengemukakan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh

golongan sukarelawan dalam pelaksanaan usaha dakwah bertujuan membawa manfaat kepada ummah sejagat.

## 2.0 Konsep Kesukarelawan

Konsep kesukarelawan tidak banyak berbeza bermula dari pembangunan tamadun dan pembentukan masyarakat di pelbagai negara (Mardhiyyah et al., 2013, Tajul Arifin & Aishah Nadirah, 2013; Harris et al., 2016; Azizan, 2016). Khidmat kesukarelawan adalah amalan murni kerana merealisasikan tanggungjawab diri terhadap agama dan negara dengan semangat yang tinggi ingin membantu masyarakat sama ada secara individu ataupun kolektif, secara formal atau tidak formal. Konsep ini muncul dalam masyarakat dengan bentuk-bentuk yang berbeza bergantung kepada sejarah, ideologi, politik, sosioekonomi dan budaya bagi sesebuah negara (UNV, 2011). Khidmat kesukarelawan berupaya membantu manusia untuk terus hidup secara bermasyarakat dan berkongsi ukhuwah serta kasih sayang. Para sukarelawan merupakan golongan yang berbudi dengan ikhlas kepada Allah SWT (Ali Ibn Muhammad, 2009). Segolongan manusia suka melakukan amalan tanpa menzahirkan nama dan tidak mencari publisiti dalam aktiviti kesukarelawan yang dilaksanakan, walaupun ianya meninggalkan kesan abadi pada jiwa orang lain. Oleh itu, usaha menampilkan sukarelawan yang sentiasa bersedia untuk berkongsi jasa dan tenaga membantu orang lain penting diberi penekanan.

Islam sangat menggalakkan aktiviti kesukarelawan. Firman Allah SWT dalam ayat 114, surah Ali Imran:

يُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَيُسِرُّعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَأُولَئِكَ مِنَ الصَّالِحِينَ

Maksudnya:

Orang-orang ini beriman kepada Allah dan hari akhirat, mereka mengajar yang makruf dan melarang yang mungkar, dan mereka berusaha dengan cepat beramal. Mereka termasuk orang-orang yang soleh.

(Surah Al-Imrān: 114)

Al-Quran menjelaskan berkaitan amalan kesukarelawan melalui ayat al-Quran yang merujuk kepada konsep menyuruh kepada perkara kebaikan yang didasari keimanan kepada Allah SWT dan mencegah daripada perkara kemungkaran yang meninggalkan kekufuran serta konsep *fastabiqul khairat* iaitu bersegera dalam melakukan kebaikan sebelum sampai saat kematian (al-Tabari, 2000).

Prinsip-prinsip utama yang perlu dipatuhi sebagai sukarelawan ialah mempunyai hubungan yang rapat dengan Allah SWT, menjaga hubungan dengan orang lain, dan mempunyai semangat pengorbanan. Islam menekankan kepentingan semangat pengorbanan dalam diri seorang Muslim, dan semangat ini menjadikan mereka lebih bersedia untuk membantu orang lain. Sukarelawan Islam ialah sukarelawan Muslim yang melakukan kerja sukarela dengan ikhlas kerana Allah SWT

dan menjaga akhlak Islam, menjaga batas syariat, serta menjalankan misi dakwah Islamiah (Firman Ali, 2023).

Pelaksanaan khidmat sukarelawan memerlukan persediaan diri kerana kerja dan perkhidmatan sukarelawan adalah sukar, mencabar serta memerlukan kerja berpasukan yang tinggi. Antara persediaan utama yang perlu dimiliki oleh seorang sukarelawan adalah akhlak mulia. Kepentingan kemuliaan akhlak dijelaskan menerusi sabda Rasulullah saw:

إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ

(Bukhari dan Muslim).

Maksudnya:

Sesungguhnya aku tidak diutuskan melainkan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.

Kesukarelawan merupakan salah satu platform bagi menyalurkan khidmat membantu sesama manusia manakala pendekatan dakwah *bi al-hal* adalah aplikasi dakwah yang berharga untuk menzahirkan contoh ikutan akhlak yang baik. Al-Quran turut menjelaskan kepentingan akhlak mulia menerusi firman Allah SWT:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya:

Dan sesungguhnya kamu benar-benar berakhlak mulia.

(Surah al-Qalam: 4)

Hamka (2021) menjelaskan bahawa ayat ini menzahirkan satu pujian yang paling tinggi diberikan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad saw yang jarang diberikan kepada rasul yang lain. merupakan pujian Allah SWT Ayat ini Allah SWT telah mempersiapkan pada diri Rasulullah SWT dengan akhlak yang mulia. Pelaksanaan tanggungjawab sebagai pendakwah, guru, pembimbing serta sukarelawan memerlukan persediaan memiliki akhlak mulia bagi merealisasikan contoh teladan baik kepada manusia lain (Intan et al., 2022).—Para sukarelawan melibatkan diri dalam khidmat bantu meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat seperti menyediakan pemeriksaan kesihatan dan vaksinasi percuma, menyediakan bantuan kebajikan, atau membantu melindungi alam sekitar (Normah & Ain Zahirah, 2021). Persediaan aspek penjagaan terhadap perlengkapan dan kesihatan fizikal sukarelawan penting bagi mengurangkan risiko kecederaan dan masalah kesihatan semasa sukarelawan terlibat dalam khidmat bantuan bencana (Nur Hafizah et al., 2020). Selain itu, kemahiran insaniah atau *soft skills* adalah kemahiran yang harus dimiliki oleh golongan sukarelawan melalui pengembangan kemahiran generik meliputi aspek kognitif, seperti nilai-nilai positif, kepemimpinan, kerjasama berpasukan, kemahiran berkomunikasi, dan proses pembelajaran yang berterusan (Intan et al., 2022). Teras aktiviti kesukarelawan ini didasari dengan kebaikan dan ketakwaan. Ini dijelaskan dalam firman Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

Maksudnya:

Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan taqwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran.

(Surah Al-Māidah:2)

Ayat ini mengemukakan anjuran hidup tolong-menolong dalam membuat kebaikan iaitu segala perkara yang baik serta berfaedah yang diasaskan untuk menegakkan ketakwaan iaitu mendekatkan hubungan dengan Allah SWT. Allah SWT mencegah perbuatan tolong-menolong dalam melakukan dosa dan membuat permusuhan serta menyakiti sesama manusia (Hamka,2020).

### 3.0 Cabaran Sukarelawan

Sumbangan kesukarelawanan memberi impak penting dalam pembinaan negara dan bangsa yang kuat, maju dan berdaya saing (Tuan Pah Rokiah Syed Hussain dan Lilah Yasin, 2016). Usaha memperkasa budaya kesukarelawanan penting diberi perhatian kerana kewujudannya berupaya menyumbang terhadap pembangunan komuniti secara keseluruhan (N.K. Tharshini and Fauziah Ibrahim, 2019). Golongan sukarelawan berperanan sebagai sistem sokongan ketiga bagi negara. Terdapat beberapa cabaran yang dihadapi bagi merealisasi peranan sukarelawan ini dalam aspek pengurusan, pelaksanaan serta pemantauan program yang dilaksanakan. Antara cabaran-cabaran yang dihadapi dalam aktiviti kesukarelawanan dakwah masyarakat ialah;

#### 3.1 Keperluan Latihan Kesukarelawan

Program latihan penting diberikan kepada golongan sukarelawan. Khadijah dan Maizatul (2017) menjelaskan latihan yang tidak mencukupi boleh menimbulkan masalah kepada orang yang ingin dibantu. Menurut Nur Hafizah, Azlinda dan Noremy (2018), organisasi yang tidak mampu memberi sesuatu kemahiran dan latihan tertentu kepada sukarelawan seperti kemahiran psikologi bakal memberi kesan kepada emosi sukarelawan itu sendiri kerana mereka berpotensi mengalami gangguan emosi dan psikologi. Dalam konteks musibah bencana alam, latihan kesukarelawanan merupakan antara keperluan penting bagi sukarelawan untuk memahami situasi bencana, proses pemulihan bencana dan tindakan yang diperlukan. Program latihan kepada sukarelawan perlu diberikan mengikut profesion dalam bidang-bidang yang diceburi seperti perubatan, pendidikan, penyelamatan, kecemasan dan lain-lain khidmat asas yang diperlukan (Mohd Salahuddin et al. 2021). Ini jelas menunjukkan kepentingan program latihan kepada golongan sukarelawan penting bagi memastikan aktiviti kesukarelawanan mempunyai kesinambungan (Cho, Wong & Chiu, 2020) dan tidak mengalami pusing ganti (*turnover*) yang merugikan daripada segi melatih sukarelawan yang baharu (Walk, Zhang & Littlepage, 2019).

#### 3.2 Kesedaran Dan Motivasi

Memiliki kesedaran, minat dan komitmen yang tinggi terhadap kerja-kerja sukarelawan merupakan antara cabaran yang dihadapi oleh sebahagian para sukarelawan. Motivasi adalah antara faktor penting dalam meningkatkan penglibatan sukarelawan dalam aktiviti kerja sukarela (Siti Nathrah dan Fuziah, 2020). Sukarelawan Islam mempunyai pelbagai aktiviti, daripada membantu membersihkan masjid dan bersedekah kepada orang yang memerlukan, mengajar Islam kepada masyarakat, dan mempromosikan akhlak yang baik. Sebahagian golongan sukarelawan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti seperti menyediakan pemeriksaan kesihatan dan vaksinasi percuma, menyediakan bantuan kebajikan atau membantu melindungi alam sekitar (Siti Raba'ah, Turiman & Azimi, 2015).

Menurut Hyde et al., (2013), sokongan sosial dan interaksi persahabatan sangat penting agar para sukarelawan berasa lebih gembira, lebih rapat perhubungan dengan rakan sebaya seterusnya membawa perkembangan norma-norma luaran serta perkongsian nilai-nilai murni. Keadaan ini penting diwujudkan agar para sukarelawan terus iltizam sebagai sukarelawan apabila berupaya meletakkan diri terikat kuat dengan organisasi sehingga merasa puas hati yang berterusan sebagai sukarelawan (Einolf, 2018).

### 3.3 Keperluan Dana

Kesinambungan aktiviti kesukarelawan memerlukan sumber kewangan atau dana bagi pelaksanaan usaha dakwah. Organisasi dan golongan pendakwah memerlukan usaha dan kreativiti untuk menjana kewangan bertujuan melancarkan pelaksanaan usaha dakwah (Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail dan Sayuti Ab Ghani, 2018). Kewujudan dana yang berterusan menjamin kesinambungan dan kelestarian khidmat kesukarelawan.

### 3.4 Kelemahan Tadbir Urus

Tadbir urus yang baik atau *good governance* merupakan antara aspek sangat penting diberikan perhatian. 'Good' dan 'governance' adalah dua leksikon yang digandingkan secara bersama bagi membentuk konsep yang difahami sebagai urus tadbir yang baik (Normah & Ain Zahirah, 2021). Pengabaian dalam tadbir urus menyumbang kepada kelemahan perancangan dan pelaksanaan aktiviti kesukarelawan.

Kemunculan pertubuhan sukarelawan yang banyak boleh menimbulkan banyak masalah jika tiada penyelarasan dalam tugas kesukarelawan. Penyelarasan terhadap tugas kesukarelawan penting dilakukan agar tugas dakwah dapat dijalankan secara profesional dan menyeluruh serta tidak tertumpu di kawasan tertentu atau kekerapan program hanya tertumpu pada satu-satu lokasi tertentu sahaja (Khairul Azhar, 2013).

Menurut Amiratul Munirah, Noorul Huda & Shofiyah (2021), cabaran aspek tadbir urus berkait rapat dengan pengurusan komunikasi sesama ahli dalam organisasi yang sama ataupun yang bersifat inter organisasi. Sehubungan itu, keadaan ini menuntut kepada koordinasi yang baik supaya tidak berlaku pertindihan kerja dalam lokasi yang sama dan lambakan bahan bantuan yang ingin disumbangkan kepada pihak penerima bantuan.

### 3.5 Kurang Mahir Budaya dan Ideologi Setempat

Malaysia ialah sebuah negara majmuk yang terdiri daripada masyarakat berbilang agama, etnik dan budaya. Keadaan ini melahirkan kepelbagaian dalam ideologi, nilai dan budaya hidup masyarakat Malaysia. Kedudukan agama Islam sebagai agama persekutuan dilihat relevan dengan gerakan dakwah dan kesukarelawanannya bergerak secara universal dan berpaksikan akidah *ahli sunnah wal jamaah* serta syariat yang berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah tanpa melihat kepada perbezaan bangsa dan etnik.

Ideologi berperanan besar dalam gerak kerja individu kerana ideologi yang baik melahirkan tingkahlaku yang baik begitu juga sebaliknya. Aktiviti kesukarelawanan antara contoh hasil dorongan nilai-nilai budaya, ideologi, prinsip dan tradisi yang positif (Tajul Arifin & Aishah Nadhirah, 2013). Selain ideologi, budaya setempat turut mempengaruhi aktiviti kesukarelawanan. Menurut Jain (2015), budaya dapat memberikan pengaruh positif terhadap keberkesanan dan kesinambungan komitmen individu. Sebaliknya, budaya setempat yang tidak diraikan berupaya menjejaskan aktiviti yang dijalankan bersama komuniti. Menurut Hood Mohd Salleh (1991), antara penghalang kepada kejayaan dakwah terhadap Orang Asli adalah penggerak aktiviti yang mempunyai motivasi rendah untuk mengenali masyarakat sasarannya sehingga mengakibatkan aktiviti berdakwah kepada Orang Asli kelihatan kurang gigih. Tindak tanduk ahli sukarelawan yang tidak menghormati budaya setempat boleh menimbulkan perasaan kurang senang masyarakat tersebut sekaligus menolak bantuan dan dakwah yang dihulurkan.

### 3.6 Kekangan Keselamatan

Keselamatan para sukarelawan merupakan antara cabaran yang perlu dihadapi ketika menjalankan aktiviti kesukarelawanan. Ini kerana para sukarelawan terdedah kepada pelbagai situasi dan bentuk bencana seperti pelaksanaan program dakwah masyarakat Orang Asli yang terletak di kawasan pedalaman seperti di Pahang ekoran berhadapan perjalanan yang sukar dan mencabar (Asmadi & Ramlan, 2020). Realiti kawasan pedalaman seperti itu hanya boleh dilalui melalui laluan kayu balak untuk sampai ke destinasi tersebut. Terdapat kawasan yang hanya boleh diakses melalui laluan pejalan kaki seperti di Kampung Orang Asli Chenan Cherah, Pahang. (Amiratul Munirah, Noorul Huda & Shofiyah, 2021).

Kajian Nurhafizah et. al (2020), mengemukakan bahawa cabaran keselamatan diri sukarelawan diklasifikasikan dalam tiga aspek iaitu kecederaan, infeksi dan keletihan. Kecederaan lazimnya melibatkan kebakaran, kejutan elektrik, serpihan kaca dan sebagainya. Infeksi berpunca daripada penyebaran kuman manakala keletihan berlaku apabila tidak mendapat tidur yang cukup ketika melakukan operasi yang mengakibatkan kekurangan tenaga.

### 3.7 Komitmen Keluarga dan Kerja Hakiki

Menurut Siti Natrah & Shaffie (2020), faktor kerjaya adalah antara cabaran kepada sukarelawan untuk terus menjalankan aktiviti sukarela ekoran kekangan masa kerana kesibukan dengan kerja. Selain kekangan berhadapan dengan tuntutan kerjaya hakiki, sebahagian besar para sukarelawan wanita juga kekangan komitmen terhadap rumah tangga untuk komited terhadap kerja-kerja kesukarelawan (Siti Natrah & Fuziah,

2020). Berhadapan dengan situasi ini memerlukan kebijaksanaan dalam pengurusan diri serta masa yang seimbang bagi menjayakan kerja kesukarelawanan.

#### 4.0 Metodologi

Kajian kualitatif ini dijalankan menggunakan pendekatan fenomenologi untuk memahami sesuatu fenomena dalam konteks tertentu. Tujuan dan strategi pemilihan reka bentuk ini adalah untuk mengetahui keadaan sebenar kumpulan atau acara tertentu secara mendalam. Kajian lapangan kualitatif dijalankan bertujuan untuk menjelaskan fenomena secara mendalam dan mengutamakan kualiti data berbanding kuantiti data. Kajian lapangan dijalankan dalam keadaan semula jadi dan tertumpu kepada konteks situasi tertentu (Sulaiman Masri, 2005).

Dapatan bagi kajian yang dilaporkan dalam penulisan artikel ini, diperolehi menerusi kaedah temubual separa struktur terhadap enam orang informen iaitu sukarelawan organisasi bukan kerajaan (NGO), sukarelawan luar negara, sukarelawan komuniti, sukarelawan muafak, sukarelawan wanita dan sukarelawan belia. Kesemua informen kajian dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1 Pemilihan Informan Secara Persampelan Bertujuan

Bilangan Informan	Informen Aktifis
1	NGO
2	Luar Negara
3	Komuniti
4	Mualaf
5	Wanita
6	Belia

Informan bagi kajian ini dipilih berdasarkan kriteria keperluan kajian. Bagi menjangkakan soalan-soalan yang dapat memberikan maklumat yang lebih baik, protokol temu bual dirintis sebelum temu bual sebenar dilaksanakan. Pengkaji menyemak soalan yang digunakan dalam kajian rintis dan memutuskan untuk memudahkan dua daripadanya. Selepas menemu bual dua orang responden yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel kajian, pengkaji mendapati soalan yang dikemukakan adalah bersesuaian. Pengkaji kemudiannya menyiapkan transkripsi dan mengembalikannya kepada pemberi maklumat untuk disemak.

Transkrip temu bual dianalisis menggunakan tema dan sub tema. Tema dan sub-tema kemudiannya disahkan oleh pakar melalui pengiraan Kappa Cohen. Seramai dua orang pakar telah dilantik untuk menyemak tema dan sub tema dan sub tema dan sub tema. Jadual 2 di bawah menyenaraikan latar belakang pakar yang bersetuju dengan pembinaan tema dan sub tema.

Jadual 2 Pakar dan Kepakaran Bagi Tahap Persetujuan Cohen Kappa

Bil	Nama	Kepakaran	Tahap Persetujuan (Cohen Kappa)
-----	------	-----------	---------------------------------

1	Pakar A	Dakwah	0.94
2	Pakar B	Sukarelawan Dakwah	0.92
Keseluruhan (Nilai pekali persetujuan Indeks Cohen Kappa)			0.93

Tahap keseluruhan persetujuan pakar terhadap tema dan sub tema dan sub tema dan sub tema berdasarkan pengiraan Cohen Kappa adalah 0.93 dan berdasarkan kepada Jadual 3 di bawah, nilai  $k = 0.92$  berada pada skala sangat tinggi.

Jadual 3 Skala persetujuan Cohen Kappa

Nilai Kappa	Skala Interpretasi
> 0.90	Sangat Tinggi
0.70 – 0.89	Tinggi
0.30 – 0.69	Sederhana
< 0.30	Rendah

Sumber: Jasmi, K. A. (2012)

## 5.0 Dapatan

Huraian selanjutnya mengemukakan cabaran-cabaran yang dihadapi para informan dalam memperkasakan golongan sukarelawan masyarakat:

### 5.1 Kekurangan Program Pembangunan Sukarelawan

Program pembangunan sukarelawan merupakan satu keperluan penting dalam usaha pemerkasaan sukarelawan dakwah masyarakat (Khairul Azhar, 2013). Para informan menjelaskan bahawa cabaran yang dihadapi untuk memperkasakan golongan sukarelawan ialah kekurangan penganjuran program-program pembangunan diri sukarelawan. Menurut Informan 2 :

“Sebenarnya kita juga kekurangan dari segi program-program pembangunan sukarelawan terutama bab pengetahuan, bab kemahiran, bab kongsi-kongsi pengalaman yang berkaitan dengan kesukarelawan”. (Informan 2)

Aspek latihan terhadap golongan sukarelawan perlu dilaksanakan secara konsisten. Informan 6 turut menyatakan permasalahan yang sama:

“..kita lihat di sudut internal kalau kita lihat yang pertama nya kita yang kita lihat lah dari segi pengukuhan latihan dan pertandingan itu sendiri bergandingan itu sendiri. Jadi apabila kita tidak melaksanakan program latihan dan gandingan secara konsisten. Jadi kita menghadapi, maksud dia, kita tidak dapat melahirkan pelapis pelapis di kalangan sukarelawan”

Penyediaan program-program pembangunan dalam aspek peningkatan ilmu pengetahuan, kemahiran serta pengalaman penting dilaksanakan bertujuan meningkatkan kompetensi golongan sukarelawan.

## 5.2 Kesedaran, Minat dan Sokongan

Penglibatan individu dalam aktiviti sukarela didorong kerana kesedaran, minat dan sokongan yang kuat dari dalam diri seseorang sukarelawan, sebaliknya kekurangan kesedaran, minat serta sokongan menjadi cabaran dalam pelaksanaan aktiviti kesukarelawan (Jasmi, 2015). Kepercayaan yang wujud dalam diri sukarelawan dapat membina komitmen yang baik pada diri sukarelawan. Ini dijelaskan oleh informan 2 bahawa :

“mungkin perlu ada galakan dari semua pihak untuk memupuk, untuk memberikan kesedaran, kepada masyarakat khususnya kepada belia, kepada pemuda, supaya mereka mengetahui dan memahami kepentingan aktiviti kesukarelawan (Informan 2)

Sukarelawan boleh berkhidmat kepada masyarakat tanpa sebarang halangan atau cabaran kerana mereka digalakkan dan mempunyai keyakinan diri yang tinggi. Rasa keberanian dan altruisme ini boleh dirujuk sebagai naluri untuk melakukan kebaikan atau kebajikan terhadap orang lain (Normah & Ain Zahirah, 2021).

Motivasi yang berakar pada dalaman seseorang individu menjadi pembakar semangat sekaligus mampu membangkitkan semangat manusia ke arah pelaksanaan sesuatu perkara. Ia juga penting bagi memastikan sesuatu program yang dijalankan itu berlangsung dengan jayanya serta membekalkan manfaat bagi semua pihak yang terlibat. Menurut Harififar et al, (2011), motivasi merupakan faktor yang penting dalam pemupukan minat dan pengekalan komitmen para sukarelawan. Faktor motivasi berperanan memotivasikan sukarelawan dalam menjalankan aktiviti sukarelawan (Siti Nathrah Che Fazilah & Fuziah Shaffie, 2020).

Badan-badan sukarelawan digalakkan untuk menyediakan peluang khidmat sukarelawan yang luas agar dapat meningkatkan kadar penglibatan anggota masyarakat sebagai sukarelawan. Lazimnya, mereka yang dibesarkan dengan ibu bapa dan kawan-kawan yang tidak melibatkan diri dalam aktiviti kesukarelawan tidak mewarisi nilai keadilan sosial dalam diri, lantas menjadi faktor yang mengikis dorongan dan keinginan individu tersebut untuk berbuat sedemikian (Southby, South dan Bagnall, 2019).

## 5.3 Keperluan Dana dan Tenaga Sukarelawan

Pengurusan kewangan adalah bahagian penting dalam pengurusan perniagaan dan organisasi (Muhammad Rashid & Suhaida, 2010). Organisasi yang berjaya mempunyai perancangan kewangan yang baik untuk memastikan masa depan yang terjamin. Tanpa pengurusan kewangan yang betul, sukar untuk memulakan atau mengekalkan perniagaan yang berjaya. Cabaran yang selalu dihadapi oleh organisasi-organisasi ialah memiliki dana kewangan termasuk teknik yang digunakan oleh individu dan organisasi untuk menguruskan wang mereka, terutamanya perbezaan antara pendapatan dan perbelanjaan serta risiko pelaburan mereka. Pengurusan dana

kewangan sesebuah organisasi adalah berbeza antara satu sama lain ekoran cara yang berbeza seperti organisasi perniagaan, kerajaan, sekolah dan organisasi bukan berasaskan keuntungan. Organisasi perlu memiliki dana kewangan yang mantap untuk memastikan kesinambungan aktiviti kesukarelawan. Menurut Informan 1:

“Kalau dulu sekarang dakwah ini sukarelawan itu adalah pengorbanan tak ada gaji, tiada elaun, tiada manfaat...tetapi dalam konteks sekarang, selepas 40 ke 50 tahun dakwah bergerak dengan rancaknya di Malaysia, dakwah ini sudah menjadi sesuatu bidang yang menjadi pekerjaan” (Informan 1)

Rentetan dari keperluan ini, antara kekangan yang lazim dihadapi dalam pelaksanaan aktiviti kesukarelawan dakwah ialah kekurangan dana kewangan bagi menampung kos tenaga penggerak untuk melaksanakan aktiviti dakwah dirancang. Menurut informan 1:

“Mereka perlu kos untuk bayar pada sukarelawan. Sebab sukarelawan kita tengok ada yang bergerak bila tak ada duit, dia tak bagi, susah nak bergerak”.

Informan 3 turut menyatakan perkara yang sama iaitu:

“memperkasakan sukarelawan tim ana ni sebenarnya tim kami tidak ada dana. Kalau orang lain memang akan dapat dana daripada kerajaan atau jabatan agama dan sebagainya, tetapi kami kena cari dana sendiri untuk membina program-program *create program*”.

Gerak kerja kesukarelawan dakwah yang dirancang dalam tempoh yang panjang dan berskala besar memerlukan pendanaan yang besar serta tenaga sukarelawan kerja yang bersifat tetap. Berkaitan perkara ini juga, Informan 1 menyatakan;

“Contohnya talian kasih KPWK...talian kasih mempunyai lebih kurang 200 kaunselor berdaftar yang dibayar oleh KPWK untuk handle talian itu dan mewujudkan talian yang bersifat 24 jam 7 hari seminggu dan mereka dibayar jadi memang sangat berbeza. Berbeza dengan Talian Rahmah yang hanya mampu setakat belanja minum petugas sahaja” (Informan 1).

Kenyataan ini menjelaskan berkaitan keperluan memiliki dana yang mencukupi dalam pelaksanaan khidmat kesukarelawan.

Selain cabaran dalam aspek dana, cabaran kekurangan tenaga sukarelawan turut menjadi kekangan dalam pelaksanaan aktiviti kesukarelawan. Ini diakui oleh informan 4 yang mengusahakan pusat pemulihan kemahiran membaca dan kelas bahasa Inggeris bagi golongan asnaf dengan kenyataan;

“Mungkin saya boleh kata masalah *manpower* (tenaga kerja), saya nak kembangkan program ini lebih jauh tetapi masalah *manpower* (tenaga kerja)... kalau nak buat *volunteerism* tanpa bayaran saya rasa susah nak jalan” (Informan 4).

Kekurangan tenaga kerja sukarelawan disebabkan pelbagai faktor antaranya kekangan komitmen yang dihadapi. Kajian Fauziah et. al (2015) mendapati majoriti daripada kaum lelaki lebih gemar menjalankan kerja-kerja kesukarelawanan walaupun selepas mendirikan rumah tangga. Keadaan ini berbeza dengan kaum wanita yang dilihat kurang aktif untuk melibatkan diri dengan aktiviti berbentuk sukarelawan selepas berkahwin memandangkan mereka mempunyai tanggungjawab yang lebih besar untuk menjaga dan mendidik anak-anak. Selain daripada aspek kuantiti tenaga sukarelawan, cabaran turut dihadapi dari aspek kualiti sukarelawan. Menurut Informan 5;

“Mereka tidak di *well trained* (terlatih) sebagai sukarelawan masyarakat atau sukarelawan dakwah (samada) mereka memang tidak ada apa-apa asas atau ada asas tapi tidak melalui proses sebagai sukarelawan... jadi apabila mereka tidak dilatih ia adalah satu masalah yang besar” (Informan 5)

Cabaran aspek persediaan kualiti sukarelawan dakwah ini turut dizahirkan oleh informan 1;

“Persediaan sukarelawan dakwah.... selain daripada ilmu yang saya dah sebut, soalan satu lagi adalah persediaan mental, emosi dan spiritual mereka” (Informan 1)

Antara aspek utama dalam profesionalisme sukarelawan dakwah adalah memiliki ilmu pengetahuan, asas kemahiran dakwah dan disiplin. Aspek ini sangat penting dalam aktiviti sukarelawan dakwah kerana ia berkait rapat dengan aspek kewibawaan atau kekompetenan seseorang sukarelawan dakwah dalam penguasaan isu-isu kemasyarakatan dan negara (Khairul Azhar, 2019). Cabaran ini dikemukakan oleh Informan 5;

“Kebimbangan utama saya dalam konteks sukarelawan masyarakat ataupun sukarelawan dakwah ini adalah keterlibatan mereka dalam isu ini (tidak) sehingga habis, maknanya kita lihat cabaran sukarelawan ini adalah untuk menjadi idola-idola dalam masyarakat, tak selesaikan urusan-urusan asas sebagai sukarelawan ataupun aktivis, dan kemuncaknya mereka tidak menguasai isu-isu apabila kita mahu melibatkan mereka di peringkat membuat dasar ataupun polisi. Ini masalah besar dalam konteks sukarelawan Islam (apabila) mereka tidak menguasai polisi-polisi negara khususnya dasar-dasar yang melibatkan apakah isu-isu dalam masyarakat” (Informan 5)

Kenyataan informan ini jelas menunjukkan bahawa aspek profesionalisme dalam kalangan sukarelawan dakwah merupakan suatu perkara penting dan perlu diberi perhatian oleh badan penggubal dasar dakwah, badan sukarelawan dakwah dan para sukarelawan dakwah sendiri. Nilai profesionalisme ini menjadi tonggak kepada kejayaan dan keberkesanan sesuatu aktiviti sukarelawan dakwah yang dijalankan. Oleh yang demikian, memiliki dana dan tenaga sukarelawan yang mencukupi adalah dua perkara yang menjadi cabaran dalam khidmat kesukarelawan.

#### 5.4 Kelemahan Tadbir Urus (*Governance*)

Aspek tadbir urus menjadi penanda aras organisasi dakwah yang profesional, amalan akauntabiliti, ketelusan serta urus tadbir yang baik (Sakinatul Raadiyah, 2020). Tadbir urus yang baik adalah sebahagian daripada elemen penting dakwah *bil-hāl* dengan memaparkan nilai-nilai sejagat yang murni. Kelemahan tadbir urus dalam pelaksanaan aktiviti kesukarelawan boleh menyumbang terhadap pembaziran dana dan tenaga. Menurut Informan 3:

“Ada pertindihan pertindihan kerja-kerja dakwah dengan NGO lain kadang-kadang kita buat benda yang sama, contohnya hari ini korban lalu kita bawa lembu seekor yang sama ke kampung yang sama jadi rugi masa dan tenaga kadang-kadang kita semua pergi ke tempat yang sama pada hal ada banyak tempat-tempat lain.”

Kelemahan aspek tadbir urus menjadi cabaran dalam pemeraksanaan aktiviti kesukarelawan dakwah masyarakat.

#### 5.5 Kurang Pengetahuan Ideologi dan Budaya Masyarakat Setempat

Golongan sukarelawan dakwah perlu memiliki pengetahuan berkaitan ideologi dan budaya masyarakat Islam di Malaysia. Persediaan ini penting kerana masyarakat berhadapan dengan kemelut pelbagai ideologi dan memiliki pelbagai budaya. Menurut informan 3:

“Rumit menguruskan ideologi masyarakat, masyarakat ideologi memanglah kita tengok sekarang ini, masyarakat ni macam-macam” (Informen 3)

Sukarelawan perlu menguasai isu-isu setempat dan global, meningkatkan integrasi sosial dengan memahami perbezaan nilai, budaya serta latar belakang setiap individu dan meningkatkan penglibatan aktif dalam masyarakat (Normah & Ain Zahirah, 2021). Memiliki penguasaan ideologi sukarelawan berkaitan ideologi, fahaman, pemikiran, budaya dan pantang larang masyarakat setempat menjadi antara cabaran dalam kalangan sukarelawan.

#### 5.6 Keselamatan Diri Sukarelawan

Golongan sukarelawan berhadapan dengan cabaran keselamatan diri. Memberi keutamaan terhadap aspek keselamatan dan kesihatan diri merupakan salah satu tanggungjawab yang perlu diberi perhatian (Nur Hafizah et al., 2020). Informan 1 menjelaskan:

“Risau kadang-kadang dengan keselamatan diri mereka. Satunya bagus sebab cepat tetapi dalam keadaan cepat tu kena cakna dengan isu keselamatan. Kebetulan dalam taman kami ni ada orang Myanmar, Bangladesh kan kat Johor ni banyak begitu jadi faktor keselamatan tu yang menjadi cabaran bagi kami melaksanakan kerja-kerja dakwah ini.”

Kenyataan ini menunjukkan keperluan sifat keprihatinan terhadap aspek keselamatan para sukarelawan.

## 6.0 Kesimpulan

Agenda dakwah merupakan tanggungjawab penting yang mesti dilaksanakan oleh setiap umat Islam. Golongan sukarelawan dakwah merupakan tenaga penggerak dalam usaha menyampaikan kebaikan dan mencegah daripada kemungkar. Para sukarelawan perlu mempersiapkan diri dengan persediaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sumber atau dana untuk pelaksanaan aktiviti kesukarelawan. Terdapat cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh golongan sukarelawan dalam pelaksanaan khidmat kesukarelawan antaranya kekurangan latihan, kesedaran minat dan sokongan, dana dan tenaga sukarelawan, kelemahan tadbir urus, penguasaan ideologi dan budaya setempat serta aspek keselamatan diri. Kesemua cabaran ini perlu dihadapi dan diuruskan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan aktiviti kesukarelawan dalam masyarakat dapat digerakkan. Usaha mendepani cabaran-cabaran ini memerlukan gandingan komitmen dan kerjasama pelbagai pihak individu, masyarakat, institusi sosial, organisasi bukan kerajaan dan agensi kerajaan.

## Rujukan

- Abdul Malik Karim Amrullah (HAMKA). (2020). Tafsir Al-Azhar. Selangor:Publishing House,
- Ali Ibn Muḥammad, Al-Jumu'ah. (2009). Mu'jam al-Muṣṭalahāt al-Iqtisadiyyah Wa Al-Islāmiyyah. Riyadh: Maktabah al-'Ubaykat.
- Azizan Bahari. (2003). Menghayati Kerja Sukarela. Petaling Jaya: Qarya Sdn Bhd.
- Azizan Bahari. (2016). Kesukarelawan. Kangar: Pustaka Qarya.
- Amiratul Munirah, Noorul Huda & Shofiyah. (2021). Partisipasi Wanita dalam Kesukarelawan Terhadap Masyarakat Sivil: Isu dan Cabaran. Bab dalam Buku: Islam dan Dinamika Masyarakat Sivil di Malaysia. pp. 207-232. Bab 9. Penerbit Universiti Malaya.
- Asmadi Abdul Rahman & Ramlan Mustapha. (2020). Cabaran Pelaksanaan Dakwah Terhadap Masyarakat Orang Asli oleh Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 42. pp. 59-67.
- Abu Ja'far al-Tabari, Muhammad Ibn Jarir Ibn Yazid (2020). Jami' al-Bayan Fi-Takwil al-Quran. T.Tempat:Muassah al-Risalah.
- Burhanuddin Jalal, Amnah Saayah Ismail & Sayuti Ab Ghani (2018). Pendekatan Dakwah untuk Cabaran Masa Depan: Satu Sorotan. Tinta Artikulasi Membina Ummah, 4 (1), pp. 23-33.
- Cho, H., Wong, Z. & Chiu, W. (2020). The Effect of Volunteer Management on Intention to Continue Volunteering: A Mediating Role of Job Satisfaction of Volunteers. *Psychological Reports-Original Research: SAGE Open*.
- Einolf, C. (2018). Evidence-Based Volunteer Management: A Review of The Literature. Policy Press, Vol. 9: Issue 2, 153-176.
- Firman Ali. (2023). Representasi Al Qur ' an Surah Al-Imran : 104. *Journal of Islamic Studies and Humanities*, 3(2), 1–17.
- Fauziah, Aizan, & Tharshini. (2015). Pendayaupayaan Wanita Kurang Upaya View project LRGS Project View project. *E-BANGI: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 10(1), 1823-884x. <https://www.researchgate.net/publication/281459019>
- Harififar, F., Moshafi, M. F., Mansouri, S. H., Khodashenas, M., Khoshnoodi, M. (2011). In Vitro Evaluation of Antibacterial and Antioxidant Activities of The Essential

- Oil and Methanol Extract of Endemic *Zataria Multiflora* Boiss. *Food Control*, 18, 800-805.
- Harris, C., P. Kharecha, P. Goble & R. Goble. (2016). The Climate ia A-Changin: Teaching Civic Competence For A Sustainable Climate. *Social Study Young Learner*, 28, No. 3, 17-20.
- Hood Mohd Salleh. (1991). *Dakwah Islamiyah dan Pembangunan Masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia*.
- Hyde, M.K. & Knowles, S.R. (2013). What Predicts Australian University Students' Intentions to Volunteer Their Time for Community Service? *Australian Journal of Psychology*; 65(3): 135-145.
- Intan, Aisyah, Mohamad Basri, Muhammad Ridhwan, & Latun. (2022). Peranan Aktiviti Sukarela dalam Memupuk Kemahiran Insaniah Mahasiswa. *Jurnal Perspektif*, 14, 67-80.
- Jain, A. K., & Moreno, A. (2015). Organisational Learning, Knowledge Management Practices and Firm's Performance: An Empirical Study of A Heavy Engineering Firm in India. *Journal of Technology Management*, 22, 14-39.
- Jasmi, K. A. (2015). *Mahasiswa dan Kehidupan Menurut Perspektif Islam: Pengurusan Efektif untuk Berjaya Jilid II*. Johor: Penerbit UTM Press.
- Katerina Papadakis, T. Griffin & J. Frater. (2004). Understanding Volunteers? Motivations. *Proceedings of the 2004 Northeastern Recreation Research Symposium*. Gen. Tech. Newton Square, PA: U. S. Department of Agriculture, Forest Service, Northeastern Research Station: 321-326.
- Khadijah Alwi & Maizatul Haizan Mahbob. (2017). Komunikasi Berkesan dengan Warga Emas: Dari Perspektif Intervensi Kerja Sosial. *Jurnal Komunikasi:Malaysian Journal of Communication*, Jilid 33 (4), 21-37.
- Khairul Azhar Meerangani. (2013). *Dakwah terhadap Bukan Muslim di Malaysia : Realiti dan Cabaran*. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan 2013.
- Khairul Azhar Meerangani. (2019). *Cabaran Dakwah Terhadap Golongan Non Muslim di Malaysia*. *Jurnal Maw'izah*, Jilid 2, 14-22.
- Kriyantono, Rahmat. (2006). *Teknik Praktis Riset Komunikasi*. Jakarta: PT Kencana Perdana.
- Mardhiyyah Sahri, Khairudin Murad, Asmidar Alias & Mohd Dasuqkhi Mohd Sirajuddin. (2013). Empowering Youth Volunteerism: The Importance and Global Motivating Factors. *Journal of Educational and Social Research*, Vol.3, No.7.
- Mohd Salahuddin Mohd Basri et. al. (2021). Progress inThe Valorization of Fruit and Vegetable Wastes: Active Packaging, Biocomposites, By-Products and Innovative Technologies Used for Bioactive Compound Extraction. *Polymers*, 13 (20).
- Mohd Yunus & Ahmad Redzwan. (2001). *Sejarah Dakwah*. Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan Publication & Distrubator Sdn. Bhd.
- Muhammad Rashid Bin Rajuddin & Suhaida Binti Abdul Rhapar. (2010). *Amalan Pengurusan Perniagaan Peniaga-Peniaga Kedai Runcit Bumiputera Di Luar Bandar Daerah Hilir Perak*.
- N.K. Tharshini and Fauziah Ibrahim (2019). Pembudayaan Kesukarelawanan Dalam Kalangan Masyarakat: Satu Kajian Ulasan Sistematik. *Journal of Human Capital Development*.Vol. 12 No. 2. 43-52.
- Normah Awang Noh & Ain Zahirah Mohd Zahid. (2021). *Manfaat Penglibatan Dalam Kesukarelawanan Terhadap Pembangunan Kemahiran dan Sosial Dalam*

- Kalangan Mahasiswa Persatuan Kelab Penyayang. *The Malaysian Journal of Social Administration* 2021, 15, 67-84
- Nur Hafizah Md Akhir, Azlinda Azman & Noremy Md Akhir (2018). The Volunteer's Need and Preparedness in Assisting Natural Disaster Victims. *Asian Social Work Journal*, Vol. 3, Issue 1, pp. 46-54.
- Nur Hafizah Yusoff, Geraldine, K. L. Chan & Nurul Atikah Zulkepli (2020). Knowledge and Academic Integrity Breach Among Malaysian University Students. *Universal Journal of Educational Research* 8 (12 B), 8376-8382.
- Nur Hafizah, Azlinda, & Noremy. (2020). Kesan Bencana Terhadap Kesehatan Dan Keselamatan Sukarelawan. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 34(2), 2019–2020.
- Papadakis K, Griffin T, Frater J (2004) Understanding volunteers' motivations. Paper presented at the Northeastern Recreation Research Symposium, Newtown, Proceedings of the 2004 Northeastern Recreation Research Symposium.
- Sakinatul Raadiyah Abdullah. (2020). Kecekapan Tadbir Urus Dalam Pengurusan Pembiayaan Harta Wakaf Produktif Di Malaysia. *Jurnal Maw'izah*. Jilid 3 2020: 35-41.
- Sarimah, I., Noor Azmira, S., Vincent, P. & Nagoor Meera, A. (2015). Youth Volunteerism in Chow Kit, Malaysia: Factors of Involvement. In *Multidisciplinary Studies*, 1, 219-224
- Siti Nathrah Che Fazilah & Shaffie Fuziah. (2020). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Sukarelawan dalam menjalankan Aktiviti Kesukarelawanan: Satu Kajian Literatur. *Jurnal Pembangunan Sosial*. Jilid 23. 28-38
- Siti Raba'ah Hamzah, Turiman Suandi, Azimi Hamzah & Ezhar Tamam. (2015). Kepercayaan, Motivasi, Dan Niat Sukarelawan Belia Terhadap Aktiviti Sukarela Di Malaysia. *International Journal of Education and Training (InJET)* 1(2) November: 1-10 (2015).
- Southby, K., South J & Bagnall. A (2019). A Rapid Review of Barriers To Volunteering For Potentially Disadvantaged Groups and Implications For Health Inequalities. *Journal of Voluntary and Nonprofit Organization*, 30 (5), pp. 907-920.
- Sulaiman Masri. (2005). Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan: Esei, Proposal, Tesis. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Tajul Arifin Muhamad & Aishah Nadirah Mohd Alauddin. (2013). Motif Penglibatan Sukarelawan Sukan Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Tahap Kepuasan Diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 38 (2), pp. 51-59.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain dan Lilah Yasin. (2016). Belia Dan Pembudayaan Semangat Sukarelawan Di Malaysia: Suatu Pemerhatian Konseptual. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 12 Issue 9 (161 - 172).
- Universal Annual Report. (2011). Volunteering For Our Future. <https://www.unv.org>.
- Papadakis K, Griffin T, Frater J (2004) Understanding Volunteers Motivations. Paper presented at the Northeastern Recreation Research Symposium, Newtown.
- Walk, M., Zhang, R., & Littlepage, L. (2019). "Don't You Want To Stay?" The Impact Of Training And Recognition As Human Resource Practices On Volunteer Turnover. *Nonprofit Management and Leadership* 29 (1)
- Wan Asri Wan Aziz, Che Zuina Ismail , Mohd Faizul Idham Zulkifli & Azman Che Mat. (2020). Motif Kesukarelawan Remaja Muslimah Di Terengganu. *Borneo Akademika*. Vol 4 (2) July 2020, 1-12.
- Wilson J. (2003). Volunteering. *Annual Review of Sociology*. 26, 215-240.